



RM1 atau RM3?

orang ramai beri respons ganjaran tangkap tikus

SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

SHAH ALAM - Operasi Penangkapan Tikus yang menawarkan ganjaran sebanyak RM1 seekor di kawasan pangsapuri Seksyen 16, Shah Alam dan RM3 bagi kawasan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka mendapat reaksi pelbagai dari

orang ramai,

Dalam tinjauan orang ramai di sekitar kawasan Seksyen 2, Shah Alam, kelmarin, Hafizah Ismail, 22, berkata, operasi penangkapan ini berkesan dan perlu dijalankan lagi kerana haiwan seperti tikus tidak akan dapat dihapuskan dengan cepat jika orang ramai memandang remeh masalah ini.

Menurutnya, orang ramai dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) harus bekerjasama bagi membendung masalah ini dalam memastikan matlamat tercapai.

"Selain, orang ramai juga boleh menambah pendapatan sampingan berikutan harga yang ditawarkan bagi sesiapa yang berjaya menangkap tikus agak memberangsangkan," katanya.

Munira Hayati Hassan, 26, berkata, operasi penangkapan tikus yang dijalankan boleh mengurangkan bilangan tikus walaupun tidak semua tikus berkeliaran dapat ditangkap tapi bilangan haiwan tersebut dapat dikurangkan.

"Pihak yang sepatutnya hendaklah mencari cara yang paling berkesan untuk menghapuskan haiwan ini dalam kadar yang cepat. Untuk menangkap tikus ini memerlukan masa yang panjang dan sudah tentu ia tidak dapat dihapuskan dalam waktu yang singkat," katanya.

Beliau berkata, sebahagian penghuni juga tidak menyambut baik saranan berkenaan. Inikan berikutan kesibukan dengan aktiviti harian dan menangkap tikus ini bukanlah pekerjaan yang senang. Banyak proses perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk memastikan keselamatan diri terjaga.

Sementara itu, Mohd Wahid, 40, berkata, menangkap tikus ini bukannya satu pekerjaan yang senang, tikus akan berkeliaran pada waktu malam dan haiwan ini




● MUNIRA HAYATI HASSAN

bergerak dengan tangkas, untuk menangkap tikus ini juga banyak masa akan digunakan.

"Masa yang sesuai haruslah dicadangkan, jika tidak aktiviti ini akan dianggap membazir masa. Ini kerana tikus akan keluar pada waktu malam dan bukannya pada waktu siang, PBT hendaklah mencari penyelesaian terbaik bagi membasmi masalah berkaitan haiwan ini.

"Penggunaan racun tikus tidak sesuai kerana haiwan seperti tikus ini akan berkeliaran di sekitar kawasan premis makanan, dan sudah tentu langkah ini membahayakan pelanggan kerana makanan yang dihidangkan untuk dijual boleh juga dicemari racun berkenaan," katanya.

Aqilah, 23, berkata, kebanyakan orang ramai yang menangkap tikus adalah kerana ganjaran yang diperolehi, RM1 dianggap tidak



● MOHD WAHID



● AQILAH



● HAFIZAH ISMAIL



berbaloi kerana tikus ini menjijikan dan hidup di kawasan yang kotor seperti kawasan sampah sarap.

“Tikus-tikus yang hidup di kawasan sampah sarap ini besar dan berbau busuk, amat mengelikan kerana haiwan ini kotor. Tambahan pula, operasi penangkapan tikus ini tidak akan berjaya kerana orang ramai masing-masing sibuk dengan kerja dan aktiviti harian, jadi untuk membuang masa dengan operasi seperti ini agak membebankan,” katanya.

Menurutnya, orang ramai haruslah bersama-sama menjaga kebersihan tempat tinggal bagi mengelakkan tikus membiak, penyakit bawaan tikus ini amat berbahaya dan kemungkinan akan membawa kepada kematian,” katanya yang menyuarakan kebersihan bermula dari dalam diri sendiri.

Jangan undang penyakit bawaan tikus: MBSA

SHAH ALAM - Orang ramai harus memandang kebersihan sebagai aspek utama dalam memastikan kehidupan seharian lancar tanpa mengundang pelbagai penyakit bawaan tikus.

Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, operasi penangkapan tikus iaitu seekor tikus bersamaan RM1 yang dijalankan sempena Kempen 3K iaitu kempen kebersihan, Kitar semula dan Kesihatan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada seluruh penghuni pangsapuri Seksyen 16, Shah Alam.

Menurutnya, lanjutan itu MBSA merancang untuk meneruskan kempen operasi penangkapan tikus itu pada tempoh yang panjang malah pihaknya akan memperhebatkan lagi operasi itu.

"Pelan perancangan MBSA tentang operasi penangkapan tikus itu akan mengambil kira waktu yang sesuai bagi penghuni kerana haiwan seperti tikus ini akan bergerak pada waktu malam dan umum mengetahui bahawa tikus akan membiak di kawasan yang mempunyai banyak sampah sarap.

"Kami akan menitik beratkan kawasan premis makanan kerana

kawasan sedemikian memang menjadi tempat pembiakan tikus. Selain itu juga, pada tahun ini operasi penangkapan tikus itu akan dilakukan di seluruh kawasan Shah Alam khususnya di kawasan yang terkenal sebagai tempat pembiakan tikus," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, kelmarin.

Shahrin berkata, orang ramai harus mempunyai kesedaran tentang pentingnya kebersihan di dalam kehidupan seharian, ini kerana sebarang penyakit adalah berpunca daripada kecuaiannya sendiri.

Beliau berkata, kawasan kediaman haruslah sentiasa dipantau dan dibersihkan dalam tempoh seminggu sekali selama 10 minit sahaja untuk mengelakkan pembiakan haiwan dan serangga yang akan mengundang bahaya.

"Kebersihan bermula dari rumah, para penghuni dan orang ramai tidak boleh meletakkan kerja pembersihan di bahu MBSA dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mereka juga haruslah berganding bahu mengadakan gotong royong di kawasan masing-masing untuk mengelakkan penyakit berbahaya bawaan tikus," katanya.